

18 FEB, 2023

## Festival FAMA melibatkan 40 usahawan di Miri, 23-26 Feb ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Festival FAMA melibatkan 40 usahawan di Miri, 23-26 Feb ini

Program terbesar dan julung kali di Miri tawar produk pada harga berpatutan, tumpu pemasaran produk usahawan

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menganjurkan Sarawak FAMA Fest (SAFF) 2023 di Bintang Megamall, Miri pada minggu hadapan.

Timbalan Pengarah Operasi FAMA Sarawak Ramli Mat Sani berkata, festival berkenaan diadakan pada 23 hingga 26 Februari dan masa operasi ialah bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Menurutnya, festival itu merupakan program terbesar dan julung kali diadakan di Miri tahun ini yang bakal melibatkan seramai 40 usahawan.

“Ia merupakan antara program besar dalam industri makanan di mana ia melibatkan seramai 40 usahawan yang terdiri daripada usahawan industri asas tani dan pengeluar pertanian

terus kepada pengguna.

“Di bawah program berkenaan, ia memberi inisiatif kepada pengguna iaitu harga yang berpatutan, selain memberi peluang kepada usahawan dalam mempromosikan produk mereka di kawasan Miri dan sekitarnya,” katanya pada sidang media SAFF 2023 di Pejabat FAMA Sarawak di sini, semalam.

Katanya, perasmian pro-

gram itu dijangka disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin pada 23 Februari sekitar jam 2.30 petang.

Ramli berkata, selain memasarkan produk kepada pengunjung tempatan, festival itu turut memberi tumpuan untuk memasarkan produk usahawan tempatan di luar negara.

“Pada program itu, kita

(FAMA) juga turut menjemput ejen import dari Hong Kong, Brunei, China dan Thailand,” katanya sambil

menambah, semasa program itu, pihaknya menyasarkan lebih 20,000 pengunjung dan nilai jualan RM400,000

hingga RM500,000.

Ramli menjelaskan, selain produk pertanian berasaskan tanaman, pihaknya turut bekerjasama dan menjalinkan kolaboratif bersama pihak pengeluar telur di Sarawak.

“Kita juga mengadakan kerjasama dengan pengeluar telur di mana lebih kurang 10 pihak pengeluar telur untuk sama-sama menjual telur pada program tersebut.

“Ada telur gred A, B dan C dan kita turut mengadakan harga istimewa terhadap telur omega dan ini antara sasaran kita dalam membantu pengusaha dan pengeluar, selain menyediakan kaedah yang terbaik untuk memudahkan pengguna mendapatkan bekalan makanan,” katanya.

Tambahnya, pada masa yang sama, pelbagai aktiviti menarik akan diadakan

sepanjang festival berkenaan, antaranya pertandingan nyanyian, persembahan artis tempatan, cabutan bertuah, gubahan buah buahan dan sebagainya.

“Terdapat satu kursus yang diadakan untuk usahawan agrobazar di mana ia melibatkan seramai 20 hingga 30 peserta usahawan di kawasan Miri.

“Kursus ini penting bagi mendedahkan usahawan untuk memasarkan produk mereka dalam satu portal yang disediakan di mana ia bukan sahaja boleh dibeli pengguna di Sarawak, malah di seluruh Malaysia,” jelasnya lagi.


Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Timbalan Pengarah (Pembangunan) FAMA Sarawak Siti Rafiza Nawawi dan Ketua Bahagian Pembangunan FAMA Sarawak Abdul Aziz Abdullah.

“Di bawah program berkenaan, ia memberi inisiatif kepada pengguna iaitu harga yang berpatutan, selain memberi peluang kepada usahawan dalam mempromosikan produk mereka di kawasan Miri dan sekitarnya.”

Ramli Mat Sani  
Timbalan Pengarah Operasi FAMA Sarawak



**JEMPUT DATANG:** Ramli (tengah) bersama Siti Rafiza dan Abdul Aziz menunjukkan isyarat bagus selepas sidang media, semalam.



18 FEB, 2023

## Festival FAMA melibatkan 40 usahawan di Miri, 23-26 Feb ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Program terbesar dan julung kali di Miri tawar produk pada harga berpatutan, tumpu pemasaran produk usahawan

Oleh HamkarSarbinee KUCHING: Lerabaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menganjurkan Sarawak FAMA Fest (SAFF) 2023 di Bintang Megamall, Miri pada minggu hadapan. Timbalan Pengarah Operasi FAMA Sarawak Ramli Mat Sani berkata, festival berkenaan diadakan pada 23 hingga 26 Februari dan masa operasi ialah bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.